

Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab – Melayu

Nik Radhiah Nik Ali¹ & Kamarul Shukri Mat Teh²

*Sek Keb Mentuan¹ & Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin²
radhiahnik3@gmail.com¹ & kamarul@unisza.edu.my²*

ABSTRAK

Peribahasa ialah sejenis gaya bahasa sastera yang agak sukar diterjemahkan. Oleh kerana ia melibatkan konsep dua makna, iaitu tersurat dan tersirat. Lantas, keadaan ini menimbulkan kesukaran dalam penterjemahan terutamanya bagi menentukan makna yang tersirat. Biasanya, peribahasa menekankan makna tersirat sebagai makna sebenar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang boleh diaplikasi dalam penterjemahan teks peribahasa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Sebanyak lapan sampel telah dipilih untuk dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan strategi penterjemahan boleh dilaksanakan menggunakan tiga langkah yang utama, iaitu teknik terjemahan lafaz satu persatu, kemudian diterjemahkan mengikut maksud secara umum dan penterjemahan terus kepada peribahasa Melayu.

Kata kunci: Teknik, terjemahan, peribahasa Arab, peribahasa Melayu.

ABSTRACT

Proverb is a kind of literary language style that is quite difficult to translate. Because it involves the concept of two meanings, which are explicit and implied. Thus, this situation creates difficulty in translation especially to determine the implied meaning. Usually, the proverb emphasizes the implied meaning of real meaning. The objective of this study is to identify the translation strategies that can be applied in the texts of proverbs. This study is a qualitative study using content analysis to obtain data. A total of eight samples were selected for analysis. The findings show that translation strategies can be implemented using the three main steps, the translation technique of one by one, then translated according to the general meaning and direct translation to Malay proverbs.

Keywords: Techniques, translations, Arabic proverbs, Malay proverbs.

DEFINISI PERIBAHASA

Peribahasa merupakan ringkasan bangsa dan gambaran pengalaman masyarakat, sejarah serta kebudayaan dalam bentuk ucapan yang pendek. Tidak dapat ditentukan individu yang mula-mula mencipta peribahasa kerana peribahasa lahir daripada masyarakat umum. Definisi peribahasa Arab dapat dibahagikan kepada pengertian dari segi bahasa dan istilah. Setengah pendapat menyatakan peribahasa dalam kalangan orang Arab bermaksud al-Tashbih, iaitu menyamakan keadaan yang kedua dengan keadaan pertama. Ahmad bin Faris (1999) dalam kamus Maqayis al-Lughah menegaskan istilah al-mathal (peribahasa) ialah al-shabih (menyamakan) dan huruf: م ش ل¹ asalnya menunjukkan perbahasan sesuatu ke atas sesuatu yang lain.

Maksud mathal, mathal, mathalu sama maksudnya seperti shabih dan shibhu. Mathal diambil daripada perkataan shabih dan shibhu kerana ia disebut berdasarkan persamaan makna. Maksud peribahasa (mathal) dalam Mucjam Lisan al-cArab yang ditulis oleh Ibnu Manzur (1989) adalah perkataan yang bermaksud persamaan, contohnya dikatakan “ini sepertinya” (mithlahu) sebagaimana dikatakan “syabbahahu” dan “syibhu”. Peribahasa ialah sesuatu yang disamakan dengan sesuatu yang lain dan dijadikan sepertinya. Muhammad Fairuz Abadiy (1983) penulis kamus al-Muhit menegaskan bahawa maksud peribahasa ialah hujah. Beliau menambah al-mathal dari

segi bahasa bermaksud hujah dan percakapan, dan al-mithal: jumlah dan kisah-kisah, sifat sesuatu kumpulan amthilah dan mathal. Maksud mathilu: dekat dan hampir, al-muthla: menyamai dengan kebenaran dan keadilan. Mengikut istilah pula: dikatakan tamathala (menyamai atau menyerupai) dengan sesuatu iaitu menjadikannya sebagai contoh atau menyerupainya. Maksud peribahasa dalam kamus al-Wasit (Ibrahim: 1972) ialah sejumlah kata yang dipendekkan daripada percakapan, ditiru sebagaimana asal yang menyerupainya tanpa diubah, contohnya peribahasa *الصيف ضيعت اللبن في الراءد لا يكذب أهله* "Pada musim panas, kamu membuang susu" dan mathal *الراءد لا يكذب أهله* "Seorang ketua tidak menipu ahlinya".

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah analisis terhadap beberapa peribahasa daripada kitab peribahasa Arab Majma' al-Amthal karya al-Maydaniy. Pemilihan sampel dibuat secara rawak. Dalam kajian ini, hanya lapan unit sampel akan dianalisis.

STRATEGI PENTERJEMAHAN PERIBAHASA

Didapati semakin banyak kajian yang menumpukan kepada penterjemahan peribahasa Arab kepada bahasa Melayu. Penterjemahan peribahasa boleh dilaksanakan berpandukan strategi tertentu. Antara strategi yang boleh digunakan dalam penterjemahan peribahasa adalah seperti berikut:

1. Peribahasa diterjemahkan secara literal atau perkataan demi perkataan.
2. Menerangkan makna peribahasa itu. Strategi ini sangat sesuai sekiranya dikhuatiri peribahasa yang diterjemahkan jika diterjemahkan secara literal terlalu janggal dan menyukarkan pembaca memahami maksud dan frasa yang dibaca.
3. Gantikan peribahasa asing dengan peribahasa Melayu yang sama maksudnya.

Analisis unit sampel 1

الرماء تملأ الكنائقيل

Sekiranya diterjemahkan secara lafziyyah atau harfiyyah maksudnya "Sebelum memanah, tabung tempat anak panah dipenuhi dulu" Penterjemahan peribahasa ini secara harfiyyah sudah memadai kerana maksudnya sudah boleh difahami walaupun tidak diterjemahkan secara umum.

Namun, peribahasa ini boleh juga diterjemahkan terus kepada peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu iaitu "Sedia payung sebelum hujan".

Analisis unit sampel 2

Mathal Arab menyatakan *لا يلسع الموعمن من جحر مرتين* maksudnya dari segi terjemahan harfiyyah ialah "Tidak digigit orang mukmin dari lubang yang sama sebanyak dua kali" iaitu ia membawa maksud sikap hati-hati untuk kali kedua (al-Maydaniy, 2004: 2/ 254). Peribahasa ini perlu diterjemahkan secara makna umum kerana ia memerlukan penjelasan yang lebih jelas dan terang.

Peribahasa ini boleh juga diterjemahkan kepada peribahasa Melayu yang membawa maksud yang sama iaitu: "Tidak terjatuh seorang mukmin ke dalam lubang dua kali". Penterjemahan ini memudahkan pendengar memahami maksud yang ingin disampaikan.

Analisis unit sampel 3

Mathal Arab berbunyi: *وافق شن طبقة* maksudnya secara harfiyyah: "Shan menyetujui Tabaqah" (al-Maydaniy, 2004: 2/ 423).

Mathal ini digunakan untuk menyatakan adanya persefahaman, persetujuan keserasian, kesepakatan, dan kesamaan dari segi pemahaman dan juga dari segi ketinggian tahap pemikiran antara pasangan suami isteri, rakan kongsi, dan juga antara anggota dalam sesuatu komuniti dan lain-lain seumpamanya. Shan merupakan seorang pemuda yang pintar telah keluar menjelajah negerinya dengan tujuan untuk mencari bakal isteri yang sepadan dengannya. Pencarian Shan berakhir dengan perkahwinan dengan puteri idamannya setelah melalui babak-babak yang amat menarik. Peribahasa ini perlu kepada terjemahan secara umum kerana terjemahan secara harfiyyah menyukarkan pembaca memahami maksud tersirat yang terkandung di dalam peribahasa tersebut.

Namun, penterjemahan kepada bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai “Bagai pinang dibelah dua”. Penterjemahan ini tidak memerlukan huraian secara terperinci kerana pembaca sudah memahami maksud peribahasa Melayu tersebut.

Analisis unit sampel 4

Mathal Arab berbunyi كالثور يضرب لما عافت البقر maksudnya, “Seperti sapi yang dipukul kerana keengganan lembu” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 170). Terdapat pendapat yang mengatakan tujuan orang Arab memukul sapi adalah kerana mereka percaya bahawa terdapat jin di atas belakang sapi yang menghalangnya daripada minum air. Perbuatan sapi yang enggan minum air telah diikuti oleh lembu. Oleh yang demikian, mereka memukul sapi. Mathal ini digunakan bagi menggambarkan orang lain yang membuat kesalahan tetapi orang lain yang mendapat balasannya. Peribahasa ini boleh diterjemahkan secara lafziyyah dan tidak memerlukan penterjemahan umum kerana makna secara lafziyyah sudah difahami maksudnya di samping dapat mengekalkan maksud asal teks.

Mathal ini boleh juga diterjemahkan sebagai “Marahkan nyamuk, kelambu dibakar”.

Analisis unit sampel 5

Mathal Arab berbunyi: كل فتاة بأبيها معجبة maksudnya, “Setiap perempuan mengagumi ayahnya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 161). Peribahasa ini boleh diterjemahkan dengan teknik terjemahan secara harfiyyah kerana maksudnya boleh difahami dengan mudah tanpa perlu penjelasan dan huraian.

Analisis unit sampel 6

Mathal Arab كالتين كالنخل وما يدريك ما لدخل maksudnya, “Kamu lihat dua orang pemuda cantik seperti pokok kurma luarannya dan kamu tidak tahu keaiban batinnya” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 137). Mathal ini boleh diterjemahkan secara harfiyyah dan tidak memerlukan penterjemahan secara umum atau maknawiyah kerana terjemahan huruf demi huruf sudah boleh difahami. Di samping itu, ia juga dapat memelihara keaslian teks. Mathal ini merupakan gambaran kecantikan sempurna lelaki umpama pokok kurma.

Analisis unit sampel 7

Mathal Arab جزاء سنمار maksudnya “Balasan Sinnimar” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 159). Mathal ini memerlukan terjemahan secara maknawiyah atau terjemahan terus kepada peribahasa Melayu iaitu “Susu dibalas tuba”. Sekiranya diterjemahkan secara harfiyyah agak sukar untuk memahami maksud tersirat. Mathal tersebut diucapkan untuk memberi maksud kebaikan yang dibalas dengan kejahatan

Analisis unit sampel 8

Mathal الندم على السكوت خير من الندم على القول “Menyesal kerana diam adalah lebih baik berbanding menyesal kerana bercakap” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 407). Lebih baik seseorang menyesal kerana berdiam diri daripada menyesal kerana banyak bercakap. Ini adalah kerana banyak bercakap

mengguris banyak perasaan. Mathal ini digunakan bagi menggambarkan penyesalan kerana tidak bercakap adalah lebih baik berbanding menyesal kerana bercakap kerana kata-kata mampu mengguris perasaan. Mathal ini boleh diterjemahkan secara harfiyyah kerana maksudnya sudah boleh difahami.

DAPATAN ANALISIS KAJIAN

Setelah sampel-sampel yang dpilih dianalisis, beberapa dapatan diperolehi, iaitu:-

1. Kebanyakan peribahasa yang tedapat dalam sampel diterjemahkan dengan teknik terjemahan secara harfiyyah atau literal untuk menterjemahkan sampel tersebut.
2. Penterjemahan terus kepada peribahasa Melayu agak kurang memuaskan kerana mengakibatkan kehilangan beberapa perkataan asal dalam teks.
3. Kesemua sampel telah berjaya diterjemahkan dengan baik kerana sampel yang digunakan merupakan peribahasa yang mudah. Namun, penterjemahan peribahasa mendatangkan masalah kepada..

KESIMPULAN

Teknik penterjemahan secara maknawiyah atau secara umum mengikut kefahaman penterjemah menyebabkan banyak keaslian ciri teks sumber terkorban. Penterjemahan peribahasa secara langsung dan harfiyyah dapat mengelakkan daripada kehilangan banyak unsur asal teks kerana setiap makna diterjemah. Namun, kelebihan penterjemahan secara umum dapat membantu menggerakkan dan menguji minda pembaca untuk mentafsir peribahasa mengikut kefahaman mereka sendiri. Analisis sebegini dapat memperkasakan lagi konsep bahasa itu sendiri.

Pada pendapat penulis, teknik yang perlu digunakan ialah teknik terjemahan secara lafziyyah jika terjemahan itu tidak memerlukan huraian dan sudah memadai maksudnya kerana ia dapat membantu memelihara sumber asal teks. Sekiranya penterjemahan secara lafziyyah tidak sampai kepada maksud yang ingin disampaikan, teknik terjemahan terus kepada peribahasa Melayu boleh digunakan. Tetapi kekurangan teknik tersebut ialah kehilangan sumber asal teks.

RUJUKAN

- A. Aida dan Siti Nursakinah. 1997. *Kamus Perdana Peribahasa*. cetakan 1. Kuala Lumpur: Al- Hidayah.
- Abdullah Hussain. 1982. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. cetakan 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. *Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*. ISSN 0128-7702. Kuala Lumpur: Unuversiti Putra Malaysia Press.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1972. *Majmac al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyidin cAbdul Hamid. Kaherah: Percetakan Dar al-Fikr.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1977. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1988. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 2004. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim.. t.th. *Majmac al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyidin cAbdul Hamid. Beirut: Dar al-Macrifah.